

21 DEC 2003

Jabu-Agama/I

AMERIKA SYARIKAT PERLU TELITI SEMULA LAPORAN MENGENAI KEBEBASAN BERAGAMA

KUCHING, 21 Dis (Bernama) -- Sarawak, negeri yang paling kaya dengan ciri budaya dan anutan agama di Malaysia, menolak dakwaan Jabatan Negara Amerika Syarikat bahawa negara ini mengamalkan diskriminasi agama.

Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Alfred Jabu berkata kewujudan kuil, gereja dan masjid di bandar serta luar bandar di negara ini membuktikan wujudnya toleransi beragama di kalangan rakyat Malaysia.

"Saya sendiri yang beragama Kristian tidak pernah menjadi mangsa kezaliman kerana agama dan sebaliknya mempunyai hubungan yang amat baik dengan bangsa lain daripada pelbagai agama," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA) di sini, hari ini.

Jabu berada di lapangan terbang itu untuk mengucapkan selamat jalan kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali yang tiba semalam untuk menghadiri majlis sambutan ulang tahun perkahwinan bekas Timbalan Ketua Menteri Sarawak, yang juga rakan beliau semasa di universiti, Tan Sri Dr Wong Soon Kai, malam tadi.

Jabu berkata walaupun setiap orang bebas memberi pendapat, tetapi adalah lebih baik jika sesiapa juga yang meragui tentang kebebasan beragama yang wujud di Malaysia supaya datang ke sini dan berjumpa dengan pemimpin daripada pelbagai agama bagi mendapatkan gambaran lebih jelas mengenainya.

"Datanglah ke Malaysia dan buatlah temubual dengan paderi Anglikan, Roman Katolik dan Methodist,"katanya.

Malah, kata Jabu, kerajaan turut memberi bantuan bagi pembinaan gereja serta kuil dan ini menunjukkan bahawa Malaysia bukan sahaja mengamalkan kebebasan beragama, tetapi juga menggalakkannya terus berkembang.

"Laporan itu patut dikutuk dan kami tidak menyetujuinya," kata beliau sambil menambah bahawa ia juga tidak disokong oleh fakta.

Selain Malaysia, Laporan Tahunan Mengenai Kebebasan Beragama kelima yang dikeluarkan oleh jabatan tersebut Khamis lepas juga mengkritik Belarus, Brunei, Eritrea, Indonesia, Israel (termasuk kawasan yang didudukinya), Moldova, Rusia dan Turki.

Di samping Islam, Kristian, Hindu dan Buddha, ada juga rakyat Sarawak yang terdiri daripada 30 kumpulan etnik menganuti fahaman Bahai dan animisme.

-- BERNAMA

RDY SP MOZ